

# Ibu bapa perlu komited tingkat prestasi pelajar

Oleh **AZHAR YUSOF**

BATU BERENDAM 29 Mac - Ibu bapa harus memberikan komitmen apa jua perancangan diatur oleh pihak sekolah dalam meningkatkan prestasi anak-anak mereka.

Pengurus Besar Tabung Amanah Pendidikan Melaka (TAPEM), Mustapa Musa

berkata, kolaborasi antara ibu bapa dan guru penting bagi menambah keyakinan pelajar mengharungi cabaran di hari mendatang.

"Ibu bapa perlu faham, tiada guru yang mengambil tindakan tanpa sebab, berikanlah sokongan kepada sekolah untuk membentuk sah-sah anak-anak mereka.

"Selain itu, pelajar juga perlu menghargai jasa dan pengorbanan ibu bapa dan guru yang telah memberikan sepenuh tumpuan dalam memastikan mereka menjadi kebanggaan keluarga dan sekolah," jelasnya.

Mustapa berkata demikian semasa berucap merasmikan Mesyuarat Agung Per-


satuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Munshi Abdullah di sini, Sabtu lalu.

Hadir sama, Pengetua SMK Munshi Abdullah, Mohd Ghazali Ahmad; Pengerusi PIBGnya, Isnin Aman serta para guru dan ibu bapa.

Pada majlis tersebut, Mustapa turut menyerahkan sumbangan kerajaan negeri

kepada Isnin bagi menjayakan program kecemerlangan sekolah.

Insin turut menyampaikan sijil penghargaan kepada pelajar-pelajar cemerlang Pentaksiran Tingkatan 3 (PT-3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (ST-PM) 2015.



**MUSTAPA** menyerahkan *mock cek* sumbangan kerajaan negeri kepada Isnin.